



Sidang media pasca Mesyuarat Exco kini amalan tetap – Exco Penerangan

DARULNAIM

ISSN 1311-6891 | RAMADAN 1447H | 06-12 MAC 2026

URUS SETIA PENERANGAN DAN KOMUNIKASI NEGERI KELANTAN

Peranan wanita wajar diiktiraf – MB Kelantan

Jadikan al-Quran rujukan dalam pembangunan negara – Exco Agama

Kempen menutup aurat agenda berterusan di Kelantan – Pengarah U-KekWa

Tanpa bimbingan wahyu, manusia berisiko tersasar daripada kebenaran – MB Kelantan

Oleh: Norzana Razaly

KOTA DARULNAIM, 7 Mac – Tanpa bimbingan wahyu, manusia berisiko tersasar daripada jalan yang benar serta terdedah kepada pelbagai bentuk penyimpangan dalam kehidupan, kata Menteri Besar Kelantan YAB Dato’ Panglima Perang Ustaz Dato’ Mohd Nassuruddin Daud, sempena perutusan rasmi Nuzul Al-Quran 1447H/2026M, hari ini.

Menurutnya, peristiwa Nuzul Al-Quran yang diperingati setiap 17 Ramadan merupakan detik penting dalam sejarah umat Islam kerana penurunan kitab suci itu menjadi panduan hidup bagi seluruh manusia.

Memetik firman Allah SWT dalam Surah al-Furqaan ayat pertama, beliau menegaskan bahawa al-Quran diturunkan sebagai peringatan kepada seluruh alam.

“Tanpa arah tuju yang jelas dan benar, manusia hidup dalam kesempitan yang jauh daripada rahmat dan reda Allah SWT. Dalam kehidupan dunia, manusia memerlukan petunjuk untuk menuju sesuatu destinasi, maka lebih-lebih lagi dalam perjalanan menuju Tuhan Pemilik sekalian alam,” katanya.

Beliau menjelaskan bahawa keunggulan generasi sahabat Rasulullah SAW terbina hasil penghayatan mendalam terhadap al-



Quran yang bukan sahaja dibaca dan dihafal, malah diamalkan secara menyeluruh dalam kehidupan.

Bagaimanapun, katanya, tahap interaksi umat Islam terhadap al-Quran kini semakin menurun sehingga wujud pelbagai gejala sosial yang membimbangkan.

“Apabila pegangan terhadap al-Quran semakin longgar, wujud kecenderungan mendedahkan aib demi populariti di media sosial, berkongsi rahsia rumah tangga tanpa rasa malu serta kecenderungan kepada hiburan melampau yang akhirnya menjejaskan nilai kehidupan masyarakat,” ujarnya.

Beliau turut mengingatkan ba-

hawa umat Islam juga berdepan cabaran kehilangan kesedaran dalam membangunkan kepimpinan yang beraspirasi Islam sekiranya kelemahan, kejahilan dan perpecahan tidak ditangani secara serius.

Sehubungan itu, beliau menegaskan bahawa pentadbiran Kerajaan Negeri Kelantan yang berteraskan dasar Penghayatan Membangun Bersama Islam terus berusaha membumikan nilai al-Quran dalam tadbir urus kerajaan.

Antara inisiatif yang dilaksanakan termasuk Program Membina Generasi Al-Quran, penubuhan Pusat Tarannum Al-Quran Kelantan serta usaha merealisasikan misi

“

Tanpa arah tuju yang jelas dan benar, manusia hidup dalam kesempitan yang jauh daripada rahmat dan reda Allah SWT. Dalam kehidupan dunia, manusia memerlukan petunjuk untuk menuju sesuatu destinasi, maka lebih-lebih lagi dalam perjalanan menuju Tuhan Pemilik sekalian alam,”

“Satu Rumah Satu Hafiz”.

Menurutnya, rekod Yayasan Islam Kelantan (YIK), sehingga tahun 2024 seramai 5,370 hafiz dan hafizah berjaya dilahirkan melalui institusi pendidikan di negeri ini.

Dalam perutusan itu juga, beliau turut menyeru umat Islam, khususnya rakyat Kelantan, agar memperkukuh hubungan dengan al-Quran sepanjang Ramadan melalui bacaan, tadabbur makna ayat serta mengamalkan ajarannya dalam kehidupan seharian.

“Insyaa-Allah kehidupan akan menjadi lebih sempurna apabila al-Quran dijadikan panduan dalam setiap tindakan dan keputusan,” katanya.



Sidang media pasca Mesyuarat Exco kini amalan tetap – Exco Penerangan

Oleh: Norzana Razaly

KOTA BHARU, 9 Mac – Kerajaan Negeri Kelantan komited memperkukuh ketelusan penyampaian maklumat kepada rakyat apabila sidang media selepas Mesyuarat Exco kini dijadikan amalan tetap bagi memastikan setiap keputusan kerajaan disampaikan secara jelas dan tepat.

Exco Pembangunan Islam, Penerangan, Dakwah dan Hubungan Seranta YB Mohd Asri Mat Daud berkata kerajaan negeri mengangap rakan media sebagai sebahagian daripada keluarga strategik dalam menyampaikan maklumat kepada masyarakat.

Menurutnya, komitmen tersebut dizahirkan melalui pelaksanaan sidang media setiap minggu selepas Mesyuarat Exco yang lazimnya diadakan pada Rabu.

“Saya berjanji untuk mengadakan sidang media setiap kali selepas Mesyuarat Exco pada hari Rabu dan alhamdulillah perkara itu berjaya dilaksanakan secara konsisten. Timbalan Menteri Besar Kelantan juga diwajibkan memberi kenyataan media selepas mesyuarat. Sekiranya beliau tidak dapat hadir, maka saya sebagai Exco Penerangan akan tampil berhadapan



pan dengan rakan media,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Majlis Iftar Perdana Urus Setia Penerangan dan Komunikasi Negeri Kelantan (UPKN) bersama Media yang berlangsung di sebuah hotel di sini, semalam.

Majlis tersebut menghimpunkan kira-kira 60 pengamal media dari pelbagai agensi bagi mengeratkan hubungan strategik antara pemimpin kerajaan negeri, jabatan media rasmi Negeri Kelantan dan rakan media arus perdana.

Dalam pada itu, YB Mohd Asri berkata kerajaan negeri turut mengambil inisiatif mengadakan pertemuan dengan Menteri Komunikasi bagi membincangkan kaedah terbaik memastikan maklumat berkaitan dasar dan isu semasa dapat disampaikan secara

tepat kepada rakyat dalam konteks masyarakat majmuk.

Menurutnya, perkembangan teknologi termasuk kecerdasan buatan (AI) turut mempengaruhi cara naratif maklumat dibentuk, justeru peranan media menjadi semakin penting dalam memastikan laporan yang disampaikan bersifat seimbang dan bertanggungjawab.

“Dalam era AI, naratif maklumat turut berubah. Oleh itu media perlu memainkan peranan penting untuk memperbetulkan keadaan dan tidak menambah unsur yang boleh menghangatkan isu semasa,” katanya.

Beliau turut memaklumkan bahawa setakat ini 84 peratus manifesto Kerajaan Negeri Kelantan telah berjaya dilaksanakan sepanjang tiga tahun pentadbiran sama-

sa.

“Kita berharap pencapaian itu dapat ditingkatkan kepada 100 peratus atau sekurang-kurangnya 95 peratus menjelang tempoh lima tahun pentadbiran di bawah strategi Pembangunan Membangun Bersama Islam (PMBI),” katanya.

Menurutnya lagi, kerajaan negeri sentiasa menyesuaikan pendekatan pentadbiran dengan senario semasa bagi memupuk penyatuan masyarakat serta mengelakkan sebarang bentuk perpecahan.

Turut hadir pada majlis berkeajaan, Timbalan Exco Pembangunan Islam, Penerangan, Dakwah dan Hubungan Seranta YB Nik Bahrum Nik Abdullah, Setiausaha Akhbar Menteri Besar Kelantan Hanifulfuad Hussin dan Presiden Kelab Media Darul Naim (KEMUDI) Yatimi Abdullah.

PBT diminta pastikan kebersihan bandar sepanjang Ramadan



Oleh: Syamimi Manah

KOTA DARULNAIM, 10 Mac – Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di seluruh negeri diminta terus memperkukuh pengurusan kebersihan dan keceriaan bandar sepanjang bulan Ramadan.

Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar YB Hilmi Abdullah berkata

perkara itu ditekankan ketika beliau mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Kerajaan Tempatan (JKKT) Bilangan 1/2026 yang berlangsung di Bilik Gerakan Negeri, Tingkat 1 Bangunan MABNA-MBI, semalam.

Menurutnya, pihaknya merakamkan penghargaan kepada semua PBT yang berjaya mengurus operasi serta penganjuran ba-

zar Ramadan dan bazar Aidilfitri di kawasan masing-masing dengan baik.

“Pada masa yang sama, saya menuntut kerjasama semua PBT untuk terus memastikan kebersihan serta keceriaan kawasan bandar sentiasa terpelihara sepanjang Ramadan,” katanya menerusi kenyataan di laman rasmi beliau.

Tambahnya, PBT juga perlu bersedia menghadapi peningka-

tan jumlah kenderaan dan kehadiran warga perantau yang pulang ke kampung menjelang Aidilfitri, yang dijangka memberi kesan kepada aliran trafik serta pertambahan sisa pepejal khususnya pada malam raya.

Mesyuarat tersebut dihadiri semua Yang Dipertua dan Setiausaha PBT di negeri ini, selain turut disertai wakil-wakil agensi serta jabatan berkaitan.



Peranan wanita wajar diiktiraf – MB Kelantan

Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 10 Mac – Peranan wanita dalam pelbagai lapangan kehidupan wajar diiktiraf dan dihargai kerana sumbangan mereka amat penting dalam membina keluarga yang kukuh serta menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat dan pembangunan negara.

Menteri Besar Kelantan YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nasruddin Daud berkata, wanita memainkan peranan besar dalam institusi keluarga dan menjadi tonggak penting dalam membentuk masyarakat yang harmoni dan sejahtera.

Sehubungan itu, beliau menyeru semua pihak agar bergandingan serta saling menghormati dan melengkapi antara satu sama lain bagi membina keluarga yang bahagia, masyarakat yang aman serta negeri yang diberkati.

“Dengan semangat kerjasama dan sikap saling menghargai, insya Allah kita mampu melahirkan



generasi yang berakhlak mulia serta membina masa depan yang lebih baik,” katanya media sosial pada Ahad.

Tambahnya, dalam menghadapi cabaran kehidupan berkeluarga masa kini, kaum lelaki hendaklah memainkan peranan sebagai qawam, iaitu pemimpin yang membimbing dan melindungi wanita dengan penuh hikmah serta tanggungjawab.

Katanya lagi, kepimpinan yang baik serta sikap saling bertolak ansur antara suami dan isteri mampu membina keluarga yang bahagia walaupun berdepan pelbagai ujian kehidupan.

Beliau turut memetik sabda Nabi Muhammad SAW yang bermaksud: “Orang Mukmin yang paling sempurna imannya ialah mereka yang paling baik akhlaknya. Dan sebaik-baik kamu ialah

orang yang paling baik terhadap wanita-wanita kamu.”

Selain itu, beliau juga berkongsi hadis Rasulullah SAW yang menekankan kepentingan berbuat baik kepada wanita serta cara berinteraksi dengan mereka sesuai dengan fitrah kejadian mereka.

Sabda Nabi SAW yang bermaksud: “Berpesan-pesannya kamu untuk berbuat baik kepada wanita, kerana sesungguhnya wanita diciptakan daripada tulang rusuk. Bahagian yang paling bengkok pada tulang rusuk ialah bahagian atasnya. Jika kamu cuba meluruskannya, nescaya kamu akan mematahkannya; dan jika kamu membiarkannya, ia akan tetap bengkok. Oleh itu, berpesan-pesannya kamu agar sentiasa berbuat baik kepada wanita.”

Sempena sambutan Hari Wanita yang jatuh pada 8 Mac setiap tahun, beliau turut mengucapkan Selamat Hari Wanita kepada seluruh wanita, khususnya wanita di negeri Kelantan.

Program Kongsi Rasa Ramadan 4.0 edar onde-onde di empat DUN

Oleh: Syamimi Manah

TUMPAT, 9 Mac – Semangat kebersamaan dan budaya berkongsi rezeki pada bulan Ramadan terus disemarakkan apabila 700 pek kuih onde-onde diagihkan kepada masyarakat di empat Dewan Undangan Negeri (DUN) menerusi Program Kongsi Rasa Ramadan 4.0, yang berlangsung sempena Perkampungan Ramadan di Laman Warisan Seni Kampung Laut, Sabtu lalu.

Agihan juadah tradisional itu melibatkan DUN Pengkalan Kubor, Kelaboran, Pasir Pekan dan Wakaf Bharu, sekali gus memberi peluang kepada masyarakat setempat serta pengguna jalan raya menikmati juadah berbuka puasa secara percuma.

Program tersebut disempurnakan oleh Ahli Dewan Negeri (ADN) Pengkalan Kubor YB Dato' Wan Roslan Wan Hamat; ADN Wakaf Bharu YB Mohd Rusli Abdullah, ADN Kelaboran YB Mohd Adanan Hassan serta wakil ADN Pasir Pekan Muhamad Ikhwanud-



din Jamaluddin, yang menyampaikan agihan di lokasi masing-masing bermula pukul 5 petang.

Menurut Dato' Wan Roslan, program berkenaan menjadi antara inisiatif bagi menyemarakkan kemuliaan Ramadan melalui perkongsian juadah berbuka puasa bersama masyarakat.

“Sebanyak 700 pek onde-onde berjaya diagihkan kepada penduduk setempat serta pengguna jalan raya di empat DUN yang terlibat. Program ini merupakan usaha untuk menyemarakkan lagi kemuliaan Ramadan dengan berkongsi juadah berbuka kepada

masyarakat,” katanya, ketika dihubungi, hari ini.

Beliau turut memaklumkan bahawa juadah tradisional tersebut disediakan secara bergotong-royong oleh para petugas bermula seawal pukul 9 pagi sebelum diagihkan kepada orang ramai di sekitar Tumpat pada waktu petang.

Program tahunan anjuran Majlis Daerah Tumpat (MDT) itu turut mendapat kerjasama Masjid Kampung Laut, Majlis Perundingan Wanita Parlimen Tumpat, Persatuan Hawanis Aspirasi Tumpat, Persatuan Anak Muda Tumpat serta Pusat Khidmat DUN Pengkalan

Kubor, Kelaboran, Pasir Pekan dan Wakaf Bharu.

Dalam pada itu, Dato' Wan Roslan turut merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan program berkenaan.

“Terima kasih kepada semua petugas, beliawanis, penghulu, ahli jawatankuasa masjid, Pusat Khidmat DUN serta semua pihak yang bergotong-royong menjayakan program ini. Semoga perkongsian kecil ini membawa kegembiraan dan keberkatan kepada masyarakat, di samping mengeratkan lagi ukhuwah sesama kita,” katanya.

Jadikan al-Quran rujukan dalam pembangunan negara – Exco Agama

Oleh: Asri Hamat


KOTA DARULNAIM, 7 Mac – Al-Quran perlu dijadikan rujukan utama dalam pembangunan negeri dan negara bagi memastikan setiap dasar serta pelaksanaan pembangunan selari dengan ajaran Islam.

Exco Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan dan Hubungan Seranta YB Mohd Asri Mat Daud berkata Islam tidak menolak kemodenan, namun setiap bentuk kemajuan perlu dipandu oleh al-Quran sebagai pedoman dalam kehidupan umat Islam.

Menurutnya, al-Quran seharusnya menjadi rujukan dalam pelbagai aspek kehidupan termasuk dalam urusan pentadbiran, pembangunan serta dasar negara.

“Al-Quran perlu dijadikan rujukan dalam setiap urusan kehidupan umat Islam termasuk dalam aspek pembangunan dan pentadbiran negeri serta negara.

“Usaha untuk mengimplemen- tasikan agenda Perlembagaan Persekutuan agar selari dengan syariat juga merupakan tanggungjawab pemimpin negara yang beragama Islam,” katanya dalam Perutusan Penghayatan Nuzul al-Quran yang disiarkan melalui media sosial, hari ini.



Beliau menegaskan bahawa usaha tersebut memerlukan kesungguhan serta komitmen politik yang jelas daripada pihak kerajaan bagi memastikan umat Islam dapat melaksanakan tuntutan syariah tanpa polemik berpanjangan.

Dalam pada itu, YB Mohd Asri turut menjelaskan bahawa al-Quran menekankan prinsip keadilan serta keharmonian dalam kehidupan bermasyarakat walaupun wujud kepelbagaian agama dan bangsa.

Katanya, Islam tidak memaksa penganut agama lain untuk mengamalkan hukum-hakam yang diperintahkan dalam al-Quran, namun umat Islam juga tidak seharusnya dihalang daripada melaksanakan

kewajipan syariah yang dituntut ke atas mereka.

“Untuk menghalang umat Islam mengikuti segala kewajipan syariah yang dipertanggungjawabkan ke atas mereka adalah suatu kesalahan mengikut kontrak sosial yang telah dipersetujui,” jelasnya.

Sehubungan itu, beliau menyeru agar kepimpinan negara memberi ruang kepada al-Quran untuk diterapkan dalam agenda pembangunan dan pentadbiran negara dalam bentuk yang bersesuaian.

Beliau menegaskan, Kelantan akan terus konsisten membawa agenda Membangun Bersama Islam, selain menyesuaikan pendekatan pelaksanaannya mengikut

keperluan semasa.

“Semoga hasrat untuk meletakkan al-Quran sebagai rujukan tertinggi serta menjadikan hukum syariah sebagai undang-undang utama bagi umat Islam di Malaysia dapat direalisasikan sepenuhnya,” katanya.

Di samping itu, beliau turut menggesa umat Islam supaya sentiasa mendampingi al-Quran, khususnya sepanjang bulan Ramadan yang menjanjikan ganjaran pahala berlipat ganda bagi setiap amalan.

Beliau juga menekankan kepentingan memupuk budaya membaca al-Quran sejak usia kanak-kanak melalui institusi pendidikan mahupun dalam institusi keluarga.

“Didikan ibu bapa yang menitikberatkan al-Quran dalam keluarga akan membantu membentuk keseimbangan perkembangan spiritual, akhlak dan kerohanian anak-anak seiring dengan perkembangan fizikal serta minda,” katanya.

Tambahnya, budaya memulihkan al-Quran juga perlu terus diperkasakan dalam masyarakat bagi membimbing umat Islam menghadapi cabaran arus kemodenan yang semakin pesat berkembang.

50 anak istimewa disantuni dalam program kebajikan Ramadan

Oleh: Irham Hilmi Hashim

KOTA BHARU, 10 Mac – Sebanyak 50 anak-anak istimewa disantuni Exco Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita merangkap Ahli Dewan Negeri (ADN) Tanjong Mas YB Dato’ Rohani Ibrahim dalam Program Bubur Lambuk, Agihan Zakat dan Bakul Ramadan.

Program anjuran Persatuan Sindrom Down Malaysia dan Persatuan Sindrom Down Negeri Kelantan (PSDNK) yang berlangsung di Min House, Kubang Kerian pada Ahad.

Dalam ucapan perasmianya, Dato’ Rohani menekankan bahawa program seumpama itu dapat menyalurkan bantuan kepada golongan yang memerlukan dan



menjadi platform penting untuk memperkukuh ukhuwah serta menyemai nilai kasih sayang dalam masyarakat.

Beliau menekankan bahawa perhatian dan sokongan berterusan amat diperlukan bagi memastikan anak-anak Sindrom Down terus diberi ruang untuk berkembang serta dihargai dalam masyarakat.

Beliau turut merakamkan peng-

hargaan kepada seluruh barisan kepimpinan dan ahli PSDNK atas komitmen mereka dalam menganjurkan pelbagai program kebajikan demi kesejahteraan anak-anak istimewa di negeri ini.

“Kesungguhan dan keprihatinan yang ditunjukkan oleh semua pihak jelas mencerminkan semangat kebersamaan dalam mewujudkan persekitaran masyarakat yang

lebih positif, inklusif dan penuh rahmah,” ujarnya.

Turut hadir, Penasihat PSDNK Dato’ Prof Ab Aziz Ab Latiff, Ketua Pusat Transformasi OKU USM-MAIK Dr Mohd Zulkifli Ab Rahim, Presiden Persatuan Sindrom Down Malaysia Hanizan Husin dan Penyelaras Pembangunan OKU Kelantan Nurul Ikhwan Mohd Suhaimi.



Martabat wanita diperkasa melalui ilmu, nilai keimanan

Oleh: Syamimi Manah

RANTAU PANJANG, 8 Mac – Martabat wanita perlu terus diperkasa melalui penguasaan ilmu, pembinaan akhlak serta pengukuhan nilai keimanan bagi melahirkan generasi yang kuat dan membina negara yang sejahtera.

Ahli Parlimen Rantau Panjang YB Dato' Siti Zailah Mohd Yusoff berkata, Islam telah mengangkat kedudukan wanita ke tahap yang mulia dengan memberikan penghormatan serta peranan penting dalam kehidupan bermasyarakat.

Menurutnya, sempena sambutan Hari Wanita Sedunia 2026, penghargaan wajar diberikan kepada seluruh wanita yang sentiasa memainkan peranan besar dalam membina keluarga, memperkukuh masyarakat serta menyumbang ke-

pada pembangunan negara.

“Tema Memartabatkan Wanita, Memperkukuhkan Negara mengingatkan kita bahawa apabila wanita dimartabatkan dengan ilmu, akhlak dan nilai keimanan, maka akan lahir generasi yang kuat serta negara yang sejahtera,” katanya dalam satu kenyataan di laman rasmi hari ini.

Beliau turut berharap agar golongan wanita terus memperkukuhkan jati diri, memelihara nilai agama serta menjadi benteng kekuatan ummah dalam menghadapi cabaran semasa.

Tambahnya, peranan wanita sebagai tonggak keluarga dan masyarakat perlu terus dihargai kerana sumbangan mereka amat besar dalam memastikan kesejahteraan serta keharmonian negara.



Didik anak fahami aurat sejak kecil – Dato' Rohani

Oleh: Syamimi Manah

KOTA BHARU, 11 Mac – Pendidikan mengenai kewajipan menutup aurat perlu diterapkan kepada anak-anak sejak kecil bagi membentuk generasi yang memahami tuntutan agama serta menjaga maruah diri.

Exco Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita YB Dato' Rohani Ibrahim berkata, pendidikan mengenai aurat perlu bermula dari rumah melalui bimbingan dan contoh yang baik daripada ibu bapa.

Menurutnya, apabila anak-anak dibesarkan dengan asas agama yang kukuh, mereka akan memahami bahawa hijab bukan sekadar pakaian, sebaliknya lambang ketaatan kepada perintah Allah SWT.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada program Sambutan Kelantan Hijab Day yang diadakan di Madinah Ramadan, pekarangan Stadium Sultan Muhammad IV, di sini, semalam.

Program tersebut turut menampilkan forum bertajuk “Hijab: Indah Dalam Kesederhanaan” bersama selebriti jemputan Ardel



Aryana dan personaliti dakwah Ustazah Isfadhiah Mohd Dasuki yang berkongsi pandangan mengenai keindahan menutup aurat serta kemuliaan wanita yang menjaga maruah diri.

Dato' Rohani turut merakamkan penghargaan kepada lebih 900 peserta yang hadir memeriahkan program tersebut.

“Terima kasih kepada semua yang hadir memeriahkan program

ini. Mudah-mudahan kehadiran kita hari ini memberi kesedaran dan inspirasi, bukan sahaja kepada masyarakat di luar sana, tetapi juga kepada diri kita dan keluarga kita sendiri,” ujarnya.

Tambahnya, keindahan Islam terserlah apabila seorang wanita menutup aurat dengan sempurna kerana ia membolehkan mereka menunaikan solat di mana sahaja selagi pakaian yang dipakai bersih,

suci dan menepati syarat menutup aurat.

Beliau turut menasihatkan para pelajar sekolah yang hadir agar memanfaatkan ilmu yang diperolehi sebagai panduan dalam kehidupan.

“Jagalah ilmu yang diperolehi hari ini sebaiknya kerana ilmu itulah yang akan membimbing kehidupan kalian pada masa hadapan,” jelasnya.

Media Kelantan hargai peranan Exco Penerangan bantu permudah tugas wartawan

Oleh: Asri Hamat

KOTA BHARU, 9 MAC – Pengamal media di Kelantan menzahirkan penghargaan kepada Exco Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan dan Hubungan Seranta YB Mohd Asri Mat Daud, atas usaha beliau memperkukuh hubungan antara kerajaan negeri dan media.

Presiden Kelab Media Darulnaim (KEMUDI) Yatimi Abdullah berkata, pelbagai pembaharuan dilakukan sejak YB Mohd Asri menerajui portfolio Penerangan, sekali gus memudahkan wartawan mendapatkan maklumat berkaitan perkembangan pentadbiran kerajaan negeri.

Katanya antara inisiatif penting yang diketengahkan oleh YB Mohd Asri ialah penganjuran Hari Wartawan Nasional (HAWANA) bagi meraikan pengamal media.

Menurutnya, YB Mohd Asri merupakan antara individu yang mencetuskan idea sambutan tersebut bagi menghargai peranan wartawan.

“Program HAWANA sebelum ini diadakan di Kuala Lumpur dan difahamkan tahun ini ada cadangan untuk diadakan di Kelantan dengan kerjasama beberapa negeri termasuk Perlis, Kedah dan Terengganu,” katanya ketika berucap di Majlis Iftar UPKN bersama bersama Media di sebuah hotel di sini, malam tadi.

Selain itu, beliau berkata, YB Mohd Asri turut menjadi pemudah cara kepada pihak media terutama ketika menunggu mesyuarat Exco kerajaan negeri.

Katanya, sebelum ini warta-



wan sering menunggu lama tanpa kemudahan yang mencukupi, namun kini makanan dan minuman turut disediakan kepada pengamal media yang membuat liputan mesyuarat berkenaan.

“Kerajaan negeri juga menyediakan kerusi untuk kemudahan wartawan menunggu sehingga mesyuarat Exco selesai, berbanding sebelum ini yang terpaksa menunggu tanpa kemudahan yang selesa,” jelasnya.

Tambahnya, setiap kali mesyuarat Exco kini turut disusuli sidang media bagi memudahkan wartawan mendapatkan maklumat terkini daripada kerajaan negeri.

Menurutnya, di bawah kepimpinan Menteri Besar Kelantan YAB Dato’ Panglima Perang, Ustaz Dato’ Mohd Nassuruddin Daud, bersama barisan Exco sekarang, terdapat perubahan yang dianggap positif dalam penyampaian maklumat kepada media.

“Sekiranya Exco lain mempunyai urusan, YB Mohd Asri tetap akan menunggu bagi memberikan sidang media mengikut portfolio berkaitan supaya wartawan tetap

mempunyai bahan berita,” katanya.

Beliau turut menjelaskan bahawa kebanyakan organisasi media kini melalui proses pengecilan operasi sehingga menyebabkan jumlah wartawan tetap semakin berkurangan, manakala sebahagian besar yang membuat liputan ialah wartawan sambilan.

Shubungan itu, katanya, sidang media yang konsisten selepas mesyuarat Exco amat membantu pengamal media mendapatkan bahan berita untuk disampaikan kepada masyarakat.

Dalam masa sama, beliau berharap hubungan erat antara media Kelantan dan kerajaan negeri dapat terus diperkukuh demi memastikan penyampaian maklumat yang tepat kepada rakyat.

“Peranan media bukan untuk membenci atau menyerang, sebaliknya teguran yang dibuat adalah ikhlas bagi memastikan wujudnya semak dan imbang antara pengamal media dan kerajaan negeri,” katanya.

Beliau turut menyuarakan harapan agar satu sesi ramah mesra

“

Peranan media bukan untuk membenci atau menyerang, sebaliknya teguran yang dibuat adalah ikhlas bagi memastikan wujudnya semak dan imbang antara pengamal media dan kerajaan negeri,”

bersama Menteri Besar Kelantan dapat diadakan bagi mengeratkan lagi hubungan antara pengamal media dan kepimpinan kerajaan negeri.

Sementara itu, Pengarah Urus Setia Penerangan dan Komunikasi Kerajaan Negeri Kelantan (UPKN), Razuan Awang Hamad dalam ucapan alu-aluannya berkata, program terbuka puasa kepimpinan kerajaan negeri bersama media menjadi platform penting untuk mengeratkan hubungan antara pemimpin dan rakan-rakan media di Kelantan.

Menurutnya, komitmen pengamal media yang hadir pada majlis berkenaan amat dihargai kerana ia mencerminkan semangat kerjasama dalam menyampaikan maklumat kepada masyarakat.

“Komitmen tuan puan yang menghadiri majlis pada petang ini membuktikan semangat kebersamaan dengan kepimpinan kerajaan negeri, insya Allah mudah-mudahan akan menghasilkan natijah yang terbaik dalam penyaluran naratif berita yang positif terhadap kerajaan negeri,” katanya.



NGO diseru kekal telus urus kewangan, fokus program berimpak tinggi



Oleh: Norzana Razaly

KOTA BHARU, 10 Mac — Pertubuhan bukan kerajaan (NGO) di negeri ini diseru agar terus mengekalkan ketelusan dalam pengurusan kewangan selain menumpukan pelaksanaan program berimpak tinggi yang mampu membangunkan jati diri serta kemahiran masyarakat.

Exco Belia, Sukan, NGO dan Perpaduan Masyarakat YB Zamakhshari Muhamad berkata, NGO merupakan kelompok masyarakat

yang peka serta memiliki tahap kepedulian tinggi terhadap keperluan dan kebajikan komuniti setempat.

Menurutnya, aspek tadbir urus kewangan perlu diberi perhatian serius memandangkan organisasi berkenaan tertakluk kepada proses audit oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

“Peruntukan yang disediakan hanya sekitar RM200,000. Oleh itu, NGO perlu mengemukakan kertas kerja program yang benar-benar berimpak tinggi kepada

masyarakat, khususnya yang dapat membangunkan jati diri serta kemahiran ahli,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Majlis Iftar NGO Negeri Kelantan 2026 yang dihadiri 300 wakil NGO di sebuah hotel di sini, semalam.

Dalam pada itu, YB Zamakhshari turut menyarankan Konfederasi NGO Kelantan (KNK) agar memainkan peranan menyelaras perancangan program secara lebih strategik bersama rakan-rakan NGO di negeri ini.

Menurutnya, langkah tersebut penting bagi memastikan kertas kerja program yang telah melalui proses tapisan dan penyelarasan oleh KNK dapat dikemukakan secara lebih teratur kepada pihak kerajaan negeri.

“Kerajaan Negeri Kelantan sentiasa membuka ruang kepada NGO kerana kita yakin kepada latar belakang serta kepakaran warga NGO. Gabung jalin dengan sukarelawan yang dipantau KNK mampu menganjurkan program yang memberi impak besar kepada kerajaan negeri, selari dengan roh Penghayatan Membangun Bersama Islam (PMBI),” jelasnya.

Beliau juga merakamkan penghargaan dan tahniah kepada rakan-rakan NGO yang terus istiqamah menyumbang tenaga serta kepakaran dalam usaha membangunkan masyarakat dan memperkukuh kesejahteraan sosial di negeri ini.

Program Himpunan Armalah 2026 DUN Temangan: 666 armalah disantuni

Oleh: Irham Hilmi Hashim

MACHANG, 9 Mac – Program Himpunan Armalah Peringkat DUN Temangan 2026 anjuran Pusat Khidmat DUN Temangan berlangsung di Dewan Dato’ Hj Hassan berjaya menyantuni sebanyak 666 golongan armalah (ibu tunggal) dengan sumbangan wang tunai daripada Kerajaan Negeri Kelantan.

Majlis tersebut disempurnakan oleh Timbalan Menteri Besar Kelantan merangkap Ahli Dewan Negeri (ADN) Temangan YB Dato’ Dr Mohamed Fadzli Hassan pada Khamis lalu.

Dalam ucapannya, beliau menegaskan bahawa kerajaan negeri sentiasa mengambil berat kebajikan golongan armalah, ibu tunggal serta mereka yang memerlukan agar kebajikan mereka terus terbelak.

“Inisiatif seperti ini merupakan antara usaha berterusan kerajaan



negeri bagi memastikan bantuan dapat disalurkan kepada golongan sasaran secara tersusun dan berkesan. Kita harap sumbangan yang diberikan mampu membantu meringankan beban kehidupan para

penerima, di samping menjadi tanda ingatan bahawa mereka sentiasa berada dalam perhatian kerajaan dan masyarakat,” katanya.

Dalam majlis tersebut, Dato’ Dr Mohamed Fadzli menzahirkan

penghargaan kepada petugas di Pusat Khidmat DUN Temangan, para Penghulu Mukim serta semua pihak yang terlibat atas usaha menyelaras serta memastikan program berjalan lancar.

1,200 Armalah DUN Tanjong Mas terima bantuan

Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 9 Mac – Sebanyak 1,200 armalah di Dewan Undangan Negeri (DUN) Tanjong Mas menerima bantuan dalam Program Himpunan Armalah DUN Tanjong Mas Tahun 2026 yang berlangsung dalam suasana penuh kasih sayang dan kebersamaan di Dewan Solat Madinah Ramadan, Dataran Warisan Stadium Sultan Muhammad IV, di sini, Jumaat lalu.

Exco Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita YB Dato' Rohani Ibrahim berkata, program tersebut diadakan sebagai tanda keprihatinan serta penghargaan kerajaan negeri kepada golongan armalah yang banyak berkorban dalam meneruskan kehidupan serta membesarkan keluarga dengan penuh ketabahan.

Menurutnya, bantuan yang disampaikan diharap dapat meringankan sedikit sebanyak beban yang ditanggung oleh golongan berke-



naan.

“Bantuan yang disampaikan diharap dapat sedikit sebanyak meringankan beban dan memberi sokongan kepada mereka.

“Dalam Islam, menjaga kebajikan golongan armalah merupakan satu tanggungjawab besar masyarakat,” katanya menerusi satu han-

taran di media sosial pada Sabtu.

Beliau turut memetik sabda Rasulullah SAW yang menjelaskan bahawa individu yang membantu dan mengurus kebajikan armalah akan memperoleh kedudukan yang mulia di sisi Allah SWT.

Sehubungan itu, beliau berharap usaha berkenaan dapat memberi

kekuatan, kesabaran serta keberkatan kepada para armalah dalam meneruskan kehidupan.

Dalam masa sama, beliau turut merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan program berkenaan serta sentiasa bersama dalam usaha menyantuni masyarakat.

Menyemai kasih di bulan mulia, YB Ku Zaki santuni OKU Muqarrabun



KUALA KRAI, 10 Mac - Ahli Dewan Negeri (ADN) Dabong, YB Ku Mohd Zaki Ku Hussin menyantuni 25 penerima dalam kalangan

Orang Upaya (OKU) terpilih dari sekitar DUN Dabong menerusi program ‘Menggapai Keberkatan Ramadan’ bersama OKU Muqorobun Negeri Kelantan, pada Ju-

maat.

Menurut YB Ku Mohd Zaki, program yang berlangsung dalam suasana mahabbah itu bertujuan menzahirkan keprihatinan dan

kasih sayang terhadap golongan istimewa, sekali gus mengangkat semangat bulan Ramadan yang menuntut umat Islam untuk saling berkongsi rezeki serta mengukuhkan ukhuwah sesama masyarakat.

“Inisiatif ini merupakan manifestasi kepedulian kerajaan negeri dalam memastikan kebajikan golongan OKU sentiasa terbela dan tidak dipinggirkan, terutama dalam menjalani ibadah di bulan mulia ini.

“Semoga sumbangan dan kebersamaan ini menjadi asbab keberkatan hidup, serta memberi sedikit kegembiraan kepada para penerima. Mudah-mudahan Allah SWT menerima segala amal kebajikan kita di bulan yang mulia ini,” ujarnya.

Hadir sama memeriahkan majlis, Yang Dipertua Majlis Persefahaman Pertubuhan Orang Kurang Upaya Kelantan (MPPOK) Mohd Kufri. Penyelaras Pembangunan Orang Kurang Upaya Negeri (PPON) Ikhwan Suhaimi.

Kematian doktor pelatih: Dr Wan Martina gesa siasatan menyeluruh isu tekanan kerja, buli



Oleh: Syamimi Manah

KUALA LUMPUR, 10 Mac – Satu siasatan menyeluruh dan telus perlu dijalankan bagi mengenal pasti faktor sebenar di sebalik kematian seorang doktor pelatih yang ditemui maut di asrama Hospital Sultan Ismail Petra (HSIP), pada Jumaat lalu.

Ahli Dewan Negara YB Senator Dr Wan Martina Wan Yusoff berkata, tragedi yang menimpa bakat muda dalam bidang perubatan itu

merupakan satu kehilangan besar kepada negara, khususnya rakyat Kelantan.

Beliau turut menzahirkan ucapan takziah kepada keluarga Allahyarham dan berharap mereka diberikan kekuatan dalam menghadapi ujian tersebut.

Menurutnya, rentetan laporan media yang menyatakan punca kematian akibat tekanan pada leher dan diklasifikasikan sebagai Mati Mengejut (SDR), pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)

serta Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan (JKNK) digesa menjalankan siasatan yang lebih terperinci.

“Walaupun laporan awal polis menyatakan tiada unsur jenayah, faktor-faktor penyumbang yang mungkin membawa kepada tragedi itu tidak boleh dipandang ringan” katanya menerusi kenyataan media, hari ini

Antara kebimbangan yang dibangkitkan beliau ialah kemungkinan tekanan kerja melampau dalam kalangan doktor pelatih, termasuk beban tugas yang tinggi serta tempoh bekerja yang panjang sehingga boleh menyebabkan keletihan mental dan fizikal.

Selain itu, beliau turut menegaskan isu buli di tempat kerja tidak boleh dinafikan dan perlu disiasat secara teliti memandangkan budaya tersebut dikhuatiri masih wujud secara tersembunyi dalam sistem latihan perubatan.

“Siasatan perlu melihat rekod kerja mangsa secara terperinci serta mendapatkan testimoni daripada rakan sejawat Allahyarham bagi memastikan tiada unsur intimidasi atau gangguan mental yang berlaku,” ujarnya.

Ahli Dewan Negara itu juga menyifatkan tragedi tersebut sebagai satu peringatan penting bahawa sistem sokongan kesihatan mental untuk pegawai perubatan muda perlu diperkasakan segera tanpa sebarang stigma.

Beliau turut menyambut baik langkah JKNK menubuhkan jawatankuasa siasatan khas dan berharap dapatan siasatan itu dapat didedahkan secara telus kepada umum.

Menurutnya, ketelusan tersebut penting bagi memastikan penambahbaikan sistem dapat dilakukan sekali gus mengelakkan kejadian sama daripada berulang pada masa hadapan.

Semua pihak digesa kekang gejala negatif dalam masyarakat - Exco Agama

Oleh: Irham Hilmi Hashim

KOTA DARULNAIM, 10 Mac – Kerajaan Negeri Kelantan menggesa penglibatan kolektif daripada semua pihak bagi mengekang penularan gejala negatif dalam masyarakat demi memastikan agenda pembangunan Islam di negeri ini terus terpelihara.

Exco Jawatankuasa Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan dan Hubungan Seranta YB Mohd Asri Mat Daud menegaskan bahawa tanggungjawab tersebut tidak seharusnya diletakkan di bahu agensi agama semata-mata, sebaliknya memerlukan peranan aktif daripada semua jabatan dan lapisan masyarakat.

“Mengekang gejala negatif dalam masyarakat bukan sekadar tugas agensi agama, tetapi amanah kolektif semua pihak agar masyarakat negeri ini kekal harmoni dan hidup dalam keadaan tenteram tanpa dicemari gejala yang rosak,” jelasnya.

Beliau berkata demikian selepas



mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan dan Hubungan Seranta Negeri Kelantan yang berlangsung di Bilik Gerakan Negeri, Kompleks Kota Darulnaim, semalam.

Dalam mesyuarat berkenaan, pelbagai perkara berkaitan hal

ehwal pentadbiran Islam telah diperbincangkan termasuklah aspek penyelarasan program dakwah di seluruh jajahan dan agensi. Selain itu, fokus turut diberikan kepada usaha membawa budaya cara hidup bersyariat atau syariah life terus ke lapangan serta melakukan penambahbaikan terhadap pengu-

rusan agenda pembangunan Islam secara menyeluruh.

Beliau memberi penekanan serius agar semua pihak sentiasa peka dan memainkan peranan khas masing-masing bagi memastikan Kelantan kekal harmoni tanpa dicemari dengan gejala sosial yang meluas.

Kempen menutup aurat agenda berterusan di Kelantan – Pengarah U-KekWa

Oleh: Syamimi Manah

KOTA BHARU, 11 Mac – Pengarah Urus setia Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita (UKeKWa) Ilvira Mohd Dasuki menegaskan bahawa kempen menutup aurat adalah agenda berterusan Kerajaan Negeri Kelantan melalui pelbagai program pendidikan dan dakwah kepada masyarakat di Kelantan.

Menurutnya, kempen tersebut merupakan antara inisiatif yang tidak pernah terhenti dalam usaha memberi kefahaman kepada rakyat mengenai tuntutan syariat Islam.

“Kerajaan negeri sentiasa komited memastikan mesej mengenai kepentingan menjaga aurat terus disampaikan kepada masyarakat



melalui program berbentuk ilmiah dan kesedaran.

“Menjaga aurat merupakan perintah Allah SWT dan ia perlu difahami oleh seluruh masyarakat. Wanita yang berhijab juga sebenarnya menjadi agen dakwah yang menyampaikan nilai Islam secara lembut,” jelasnya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucapan alu-aluan dalam program Sambutan Kelantan Hijab Day yang berlangsung di Madinah Ramadan, perkarangan Stadium Sultan Muhammad IV, di sini, semalam.

Program tersebut berjaya menghimpunkan lebih 900 peserta yang

hadir untuk menimba ilmu serta menambah amal melalui pengisian yang disediakan.

Tambahnya, wanita yang menjaga maruah serta aurat memainkan peranan penting dalam membentuk institusi keluarga yang berteraskan konsep Sakinah, Mawaddah dan Warahmah.

Pasar Raya di Kelantan ditutup Hari Raya Pertama, kebajikan pekerja diutamakan

Oleh: Irham Hilmi Hashim

KOTA DARUL NAIM, 11 Mac – Kerajaan Negeri Kelantan memutuskan untuk menutup sepenuhnya operasi premis perniagaan tertentu di seluruh negeri ini pada hari pertama Hari Raya Aidilfitri dan Hari Raya Aidiladha bagi tahun ini.

Exco Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar YB Hilmi Abdullah memaklumkan bahawa keputusan tersebut dibuat selaras dengan hasil Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMK) yang berlangsung, hari ini.

Menurutnya, keputusan tersebut melibatkan penutupan operasi bagi kompleks beli-belah, pasar raya besar serta pasar raya di seluruh Kelantan pada hari pertama kedua-dua perayaan tersebut.

“Kerajaan negeri telah memutuskan supaya premis-premis perniagaan tertentu iaitu kompleks beli-belah, pasar raya besar dan pasar raya di seluruh Kelantan ditutup sepenuhnya pada hari raya pertama Aidilfitri dan Aidiladha,” katanya dalam satu kenyataan media, hari ini

Walau bagaimanapun, jelas beliau, bagi premis makanan segera



dan kedai serbaneka, operasi hanya dibenarkan bermula selepas pukul 1.00 petang pada hari raya pertama bagi kedua-dua perayaan tersebut.

“Premis makanan segera dan kedai serbaneka hendaklah ditutup sehingga pukul 1.00 petang pada hari raya pertama Aidilfitri dan Aidiladha, dan hanya dibenarkan beroperasi selepas waktu tersebut,” jelasnya.

Menurut YB Hilmi lagi, keputusan itu dibuat setelah kerajaan negeri mengambil kira aspek kebajikan pekerja pasar raya yang sebelum ini terkesan apabila operasi premis hanya ditutup separuh hari pada

musim perayaan.

“Pada tahun lalu, kita menggunakan garis panduan dengan menutup operasi separuh hari. Namun, keadaan tersebut menyebabkan ramai pekerja pasar raya merasakan suasana hari raya tidak dapat dinikmati sepenuhnya bersama keluarga,” ujarnya.

Sehubungan itu, kerajaan negeri mengambil pertimbangan terhadap rayuan yang dikemukakan oleh persatuan pekerja pasar raya agar mereka diberikan peluang menikmati hari raya sepenuhnya bersama ahli keluarga.

Beliau turut menegaskan bahawa langkah tersebut juga selari

dengan roh syiar Islam yang menjadi teras kepada dasar pentadbiran negeri, iaitu Membangun Bersama Islam, yang mengangkat kepentingan memuliakan hari raya sebagai hari kemenangan umat Islam selepas sebulan berpuasa.

“Kerajaan negeri mahu memelihara tradisi masyarakat Melayu Islam yang menjadikan hari raya sebagai hari besar untuk berkumpul dan meluangkan masa bersama keluarga sepanjang hari,” katanya.

Dalam masa yang sama, orang ramai dinasihatkan supaya merancang pembelian barangan keperluan lebih awal sebelum tamat waktu operasi premis perniagaan pada malam hari raya.

Tambahnya, mana-mana pasar raya yang mempunyai keperluan khusus untuk melanjutkan waktu operasi perniagaan masih boleh mengemukakan permohonan kepada pihak kerajaan negeri untuk pertimbangan lanjut.

Keputusan tersebut diharapkan dapat memberi ruang kepada para pekerja sektor peruncitan untuk menyambut hari raya dengan lebih bermakna bersama keluarga, di samping terus memelihara nilai budaya dan syiar Islam di Kelantan.

200 armalah DUN Salor terima sumbangan kerajaan negeri



Oleh: Asri Hamat

KOTA BHARU, 11 MAC – Sebanyak 200 armalah dari kawasan Dewan Negeri (DUN) Salor menerima sumbangan dalam Majlis Penyampaian Sumbangan Armalah Kerajaan Negeri Kelantan 2026 yang berlangsung di Dewan Seminar Yayasan Islam Kelantan (YIK) di sini, pada Ahad.

Ahli Dewan Negeri (ADN) Salor YB Saizol Ismail berkata, pro-

gram tersebut diadakan sebagai tanda keprihatinan kerajaan negeri dalam memastikan golongan armalah dan mereka yang memerlukan terus mendapat perhatian dan sokongan berterusan.

Menurutnya, sumbangan yang disampaikan tersebut merupakan fasa pertama bagi membantu meringankan beban penerima, khususnya dalam membuat persiapan menjelang Hari Raya Aidilfitri.

“Alhamdulillah hari ini kita berjaya menyampaikan hasrat kerajaan negeri melalui sumbangan kepada 200 armalah di DUN Salor. Program hari ini adalah fasa pertama. Insya Allah sekitar Mei atau Jun Siri 2 pula dilaksanakan.

“Kebanyakan penerima merupakan ibu tunggal yang mempunyai tanggungan. Ada yang menjaga anak sendiri dan ada juga yang menjaga cucu kerana sebahagiann-

ya telah kehilangan ibu bapa,” katanya menerusi media sosial, pada Isnin.

Kata beliau lagi, terdapat juga dalam kalangan penerima yang membesarkan cucu yang ibu bapa mereka telah meninggal dunia, menyebabkan cucu tersebut menumpang kasih dan dijaga oleh nenek mereka.

“Sumbangan yang diberikan walaupun tidak besar, diharap dapat memberi sedikit kegembiraan kepada golongan berkenaan.

“Insya Allah sumbangan ini adalah tanda ingatan dan kasih sayang kerajaan negeri kepada armalah agar mereka sedar bahawa mereka tidak bersendirian dalam menjaga keluarga. Moga bantuan ini dapat menambah keceriaan mereka, khususnya dengan sambutan Hari Raya yang semakin hampir,” katanya.

211 pelajar asnaf SMUA Al-Hasaniah disantuni TMB Kelantan, Kelab Kelantan Bikers

Oleh: Irham Hilmi Hashim

MACHANG, 11 Mac – Sebanyak 211 pelajar asnaf Sekolah Menengah Ugama Arab (SMUA) Al-Hasaniah, Pangkal Jenereh menerima sumbangan zakat dalam Majlis Kesyukuran dan Iftar Perdana yang disantuni oleh Timbalan Menteri Besar Kelantan YB Dato' Mohamed Fadzli Hassan bersama Kelab Kelantan Bikers, semalam.

Majlis tersebut diserikan dengan perarakan lebih 90 buah motosikal berkuasa tinggi memasuki dataran sekolah yang diketuai Presiden Kelab Kelantan Bikers Mohd Amin Mohd Nawawi bersama ahli Kelab Rider YIK dan Alternative Rider Club.

Dalam ucapan perasmian, Dato' Dr Mohamed Fadzli mengingatkan para pelajar agar berusaha menjadi insan yang cemerlang dalam aspek ilmu dan akhlak.

“Semua pelajar dituntut menjadi insan yang cemerlang dalam pelbagai aspek sehingga mampu kembali berbakti kepada agama, bangsa dan negara,” katanya.

Selaku Yang Dipertua Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) sekolah, Dato' Mohamed Fadzli



Hassan juga menyampaikan sumbangan zakat kepada para pelajar asnaf tajaan Kelab Kelantan Bikers dan Alternative Rider Club kepada pihak sekolah yang diwakili Pengetua Mohd Fitri Umar.

Pengarah Yayasan Islam Kelantan (YIK) Shamsul Abu Bakar yang mengiringnya turut menyampaikan sumbangan zakat kepada para pelajar asnaf sebagai tanda keprihatinan terhadap kebajikan golongan berkenaan.

Shamsul juga menyeru para pe-

lajar agar memberi tumpuan sepenuhnya kepada bidang akademik serta melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti kokurikulum sebagai persediaan membina masa depan yang cemerlang.

“Semua pelajar perlu bersungguh-sungguh dalam pelajaran serta menjadikan kurikulum dan kokurikulum sebagai komitmen utama supaya mampu menjadi aset bernilai kepada sekolah dan negeri.

“Penyertaan dalam kelab, persatuan dan pelbagai program yang

dianjurkan pihak sekolah juga penting sebagai nilai tambah dalam membentuk potensi diri,” katanya.

Majlis berakhir dengan solat Maghrib berjemaah diikuti jamuan iftar perdana bersama para pelajar dan tetamu.

Turut hadir, Presiden Persatuan Alumni Maahad Syamsul Maarif Lelaki Muhammad Amiri Ab Ghani serta Timbalan Yang Dipertua PIBG sekolah, Wan Hussein Wan Ali.

138 guru baharu YIK sertai kursus asas perguruan

Oleh: Irham Hilmi Hashim

KOTA BHARU, 11 Mac – Sebanyak 138 guru baharu Yayasan Islam Kelantan (YIK) menyertai Kursus Asas Guru Baharu Siri 1/2026 sebagai persediaan awal sebelum memulakan tugas dalam bidang pendidikan.

Kursus dua hari bermula 9 hingga 10 Mac di Bilik Seminar Yayasan Islam Kelantan tersebut bertujuan memperkukuhkan kefahaman para guru mengenai peranan dan tanggungjawab sebagai pendidik, selain membekalkan asas profesional keguruan bagi melaksanakan amanah mendidik generasi pelajar di bawah institusi pendidikan YIK.

Majlis perasmian disempurnakan oleh Pengarah YIK Shamsul Abu Bakar, yang turut menyampaikan amanat kepada para peserta agar melaksanakan tanggungjawab mendidik dengan penuh keikhla-



san, komitmen serta kesungguhan.

“Profesion perguruan bukan sekadar menyampaikan ilmu di bilik darjah, sebaliknya merupakan satu amanah besar dalam membentuk sahsiah dan masa depan generasi muda yang bakal memimpin masyarakat.

“Kursus ini juga adalah platform awal bagi membantu guru baharu memahami hala tuju pendidikan di bawah pentadbiran Yayasan Islam Kelantan, selain mempersiapkan

mereka menyesuaikan diri dengan profesion perguruan secara lebih sistematik dan berkesan.

“Sepanjang kursus berlangsung, para peserta didedahkan dengan pelbagai pengisian penting meliputi aspek pengurusan sekolah, etika perguruan, pengurusan bilik darjah dan tarbiah, pengurusan kokurikulum serta peranan guru sebagai pendidik yang menjadi tonggak pembentukan insan,” jelasnya.

Kursus berkenaan turut membuka ruang kepada para peserta

untuk berkongsi pengalaman, bertukar pandangan serta mengeratkan hubungan sesama warga pendidik, sekali gus membina jaringan profesional dalam kalangan guru YIK.

Sehubungan itu, beliau menzahirkan harapan agar kursus berkenaan dapat melahirkan barisan guru yang cemerlang dalam penyampaian ilmu dan berperanan membentuk sahsiah pelajar, memimpin generasi masa depan serta menyemai nilai-nilai Islam dalam sistem pendidikan negeri.

Had operasi bazar Aidilfitri sehingga 12 malam



Oleh: Syamimi Manah

KOTA DARULNAIM, 11 Mac – Kerajaan Negeri Kelantan menetapkan had operasi bazar Aidilfitri sehingga pukul 12 malam, namun peniaga masih dibenarkan meneruskan jualan sekiranya terdapat lebihan barang dan sambutan pengunjung yang masih ramai.

Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar YB Hilmi Abdullah berkata, kelonggaran tersebut diberikan bagi membantu peniaga menghabiskan jualan, namun aspek ke-

bersihan perlu menjadi keutamaan semua pihak.

Menurutnya, sebelum ini kerajaan negeri memberi kebenaran operasi lebih masa, namun terdapat segelintir peniaga meninggalkan sampah selepas berniaga sehingga menjejaskan kebersihan kawasan bazar.

“Kerajaan Negeri akan membayar sumbangan Aidilfitri kepada lebih 700 petugas kebersihan di seluruh negeri yang akan bekerja pada malam dan pagi Hari Raya bagi membersihkan sampah-sampah yang ditinggalkan, khususnya

di kawasan bazar,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika sidang media selepas Mesyuarat Exco di Mabna, Kota Darul Naim, hari ini.

Sehubungan itu, YB Hilmi menasihati para peniaga bazar terutama pada malam raya supaya mengemas semula premis perniagaan masing-masing termasuk khemah serta memastikan kawasan sekitar berada dalam keadaan bersih selepas tamat operasi.

“Jika kita dapat kenal pasti pe-

niaga yang gagal menjaga kebersihan, mereka boleh disenarai hitam daripada mendapatkan lesen pada masa akan datang dan juga boleh dikenakan kompaun kerana melanggar undang-undang kecil kebersihan,” jelasnya.

Tambahnya, kerjasama semua pihak amat penting bagi memastikan bandar dan kawasan tumpuan awam kekal bersih supaya masyarakat dapat menyambut Aidilfitri dalam suasana yang selesa dan sejahtera.



Umat Islam diseru hayati peranan sebagai ‘sebaik-baik umat’

Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 12 Mac — Umat Islam diseru menghayati perannya sebagai “sebaik-baik umat” dengan melaksanakan tanggungjawab menyeru kebaikan dan mencegah kemungkaran (amar makruf nahi mungkar) dalam kehidupan bermasyarakat.

Menteri Besar YAB Dato’ Panglima Perang Ustaz Dato’ Mohd Nassuruddin Daud, berkata kemuliaan umat Nabi Muhammad SAW seperti yang dijanjikan dalam al-Quran tidak terbatas kepada sesuatu bangsa atau generasi tertentu, sebaliknya terbuka kepada semua yang beriman dan melaksanakan tanggungjawab memperbaiki masyarakat.

Beliau berkata, perkara itu dijelaskan dalam Surah Ali Imran ayat 110 yang menyifatkan umat Nabi Muhammad SAW sebagai sebaik-baik umat yang dilahirkan untuk manusia kerana menyeru kepada kebaikan, mencegah kemungkaran dan beriman kepada Allah



SWT.

“Keistimewaan ini memberi peluang kepada setiap Muslim untuk menjadi sebahagian daripada sebaik-baik umat sekiranya sifat-sifat tersebut diterjemahkan dalam bentuk tindakan,” katanya menerusi perkongsian Bingkisan Ramadan 1447H – Siri 20 siaran media so-

sialnya pada Selasa.

Menurutnya, ketika umat Islam berdepan arus pemikiran batil serta pelbagai masalah sosial yang semakin kompleks, keadaan itu menunjukkan betapa pentingnya lahir generasi yang mampu memikul tanggungjawab dakwah dan islah dalam masyarakat.

Katanya, usaha tersebut tidak mampu digalas oleh individu semata-mata, sebaliknya perlu digerakkan secara berjemaah dengan matlamat serta hala tuju Islam yang jelas.

Beliau turut mengambil ibrah sirah para rasul yang memperlihatkan bahawa perjuangan dakwah sentiasa didukung oleh para pengikut setia, termasuk golongan hawariyyun yang berdiri teguh bersama Nabi Isa AS dalam menyeru kaumnya mentauhidkan Allah SWT.

Sehubungan itu, beliau menyeru umat Islam agar menyambut janji untuk menjadi sebaik-baik umat dengan keyakinan dan kesungguhan, termasuk melibatkan diri dalam gerakan dakwah yang menyeluruh.

“Umat Islam perlu menggembelng kekuatan secara bersama bagi memperkukuh masyarakat serta memastikan syariat Islam dapat ditegakkan dalam kehidupan,” tegasnya.

Penggali Kubur antara 256 penerima keraian Aidilfitri



Oleh: Irham Hilmi Hashim

KUBANG KERIAN, 12 Mac – Penggali kubur antara 256 individu yang menerima keraian sempena Aidilfitri anjuran kerajaan negeri sebagai tanda penghargaan terhadap khidmat bakti mereka kepada masyarakat.

Penerima lain yang turut diraikan termasuk imam madrasah, guru PASTI serta ketua cawangan yang selama ini memainkan peranan penting dalam memakmurkan in-

stitusi agama, pendidikan dan kebajikan masyarakat di peringkat akar umbi.

Program berkenaan telah disempurnakan oleh Exco Jawatankuasa Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan dan Hubungan Seranta YB Mohd Asri Mat Daud. Beliau juga menyampaikan sumbangan kepada para penerima dalam suasana penuh mesra dan kekeluargaan dalam satu majlis yang diadakan di Pusat Khidmat DUN Demit, semalam.

YB Mohd Asri menzahirkan

penghargaan kepada semua pihak yang terlibat serta menegaskan bahawa sumbangan golongan berkenaan amat besar dalam memastikan kesejahteraan masyarakat setempat terus terpelihara.

“Golongan imam, guru PASTI, ketua cawangan serta penggali kubur memainkan peranan yang sangat penting dalam kehidupan masyarakat. Mereka bukan sahaja berkhidmat dalam urusan agama dan kebajikan, malah sentiasa berada di hadapan dalam membantu

masyarakat tanpa mengira masa dan keadaan,” katanya.

Beliau turut menyifatkan penganjaran program keraian tersebut sebagai satu bentuk penghargaan kepada mereka yang telah lama berkhidmat kepada masyarakat, di samping mengeratkan hubungan antara pimpinan dan para petugas di peringkat komuniti.

“Majlis ini dianjurkan sebagai usaha menghargai peranan para petugas masyarakat yang menjadi tulang belakang dalam memperkukuh institusi kemasyarakatan, termasuk golongan penggali kubur yang sering menjalankan tanggungjawab penting dalam pengurusan jenazah.

“Semoga keraian kecil sempena Aidilfitri ini dapat menzahirkan rasa penghargaan kita kepada mereka yang telah banyak berjasa. Mudah-mudahan hubungan yang terjalin ini terus diperkukuh demi kesejahteraan masyarakat di DUN Demit,” ujarnya.



Pasar Raya di Kelantan ditutup Hari Raya Pertama, kebajikan pekerja diutamakan

Atlet ragbi ditimpa kemalangan serius, Exco Sukan beri sokongan moral kepada keluarga

Oleh: Syamimi Manah

KUALA KRAI, 9 Mac – Exco Belia, Sukan, NGO dan Perpaduan Masyarakat YB Zamakhshari Muhammad menziarahi atlet ragbi muda Sayyid Iskandar Mohamad Azaha yang sedang menerima rawatan di Hospital Sultan Ismail Petra, Kuala Krai, semalam.

Menurutnya, kunjungan tersebut dibuat selepas menerima khabar mengenai kemalangan ngeri yang menimpa atlet berkenaan.

“Ujian ini pastinya bukan sesuatu yang mudah untuk diterima, apatah lagi bagi seorang anak muda yang aktif di padang sukan,” katanya menerusi hantaran di laman rasmi, semalam.

Sayyid Iskandar, 19, dilaporkan cedera parah dan kehilangan paha kanan selepas dilanggar sebuah kereta dalam kejadian di Jalan Bukit Batu, minggu lalu.

Beliau merupakan pelajar Di-



ploma di Kolej Vokasional Kuala Krai dan dikenali sebagai atlet ragbi yang sedang membina masa depan dalam bidang sukan.

Atlet muda itu juga terpilih menyertai temasya Sukan Malaysia (SUKMA) mewakili negeri Terengganu dan tahun lalu beliau turut mencipta kejayaan apabila muncul juara dalam sukan ragbi bagi Kejohanan Sukan Kolej Vokasional (SUKOV) Malaysia serta dinobatkan sebagai Pemain Harapan Kolej Vokasional Malaysia.

Dalam lawatan tersebut, YB

Zamakhshari turut bertemu ibu bapa mangsa yang masih terkesan dengan tragedi berkenaan.

Menurutnya, sebagai ibu bapa, tiada ujian yang lebih berat selain melihat anak sendiri menanggung kesakitan, namun keluarga tersebut tetap menunjukkan ketabahan yang luar biasa dalam menghadapi dugaan itu.

Lawatan tersebut turut disertai Ahli Parlimen Kuala Krai YB Abdul Latiff Abdul Rahman serta Ahli Dewan Negeri (ADN) Guchil YB Hilmi Abdullah sebagai

tanda sokongan dan keprihatinan terhadap nasib yang menimpa atlet muda berkenaan.

Exco Sukan mengajak orang ramai untuk bersama-sama mendoakan agar Sayyid Iskandar segera sedar, diberikan kekuatan untuk melalui fasa pemulihan serta dipermudahkan segala urusan rawatannya.

“Semoga Allah SWT mengangkat darjatnya dengan ujian ini serta mengurniakan ketabahan buat seluruh ahli keluarganya,” ujarnya.

Exco Sukan serikan futsal ukhuwah alumni KFLI



Oleh: Syamimi Manah

KOTA BHARU, 12 Mac – Exco Belia, Sukan, NGO dan Perpaduan Masyarakat YB Zamakhshari Muhammad diundang menyerikan Program Kick & Bond: Futsal Ukhuwah yang berlangsung di Gelanggang Futsal Mulong, di sini, pada Selasa.

Menurut YB Zamakhshari, program sukan itu merupakan inisiatif pihak penganjur bagi mem-

perkukuh ukhuwah serta mengekalkan kesinambungan hubungan antara alumni Kelantan Future Leaders Institute (KFLI).

“Program ini adalah kesinambungan kepada pelbagai inisiatif KFLI sebelum ini, yang bertujuan memastikan alumni terus berhubung dan memupuk semangat kebersamaan walaupun selepas tamat program utama. Melalui aktiviti seperti futsal, alumni KFLI dapat terus berhubung, berkongsi pen-

galaman dan mengukuhkan ukhuwah yang telah dibina sepanjang program berlangsung,” katanya ketika dihubungi, hari ini.

Program santai itu turut melibatkan beberapa kohort KFLI iaitu FLA-01, FLB-01, FLC-01 dan FLB-02, Ahli Rakan Muda Al-Quran (RMQ) serta Ahli Dewan Negeri (ADN) Belia.

YB Zamakhshari juga menyifatkan aktiviti sukan mampu memberi ruang kepada belia untuk beriadah secara sihat sekali gus menjadi

medium penting dalam membina disiplin, semangat berpasukan serta memperkukuh hubungan antara peserta.

Tambahnya, sepanjang Ramadan, pelbagai aktiviti telah dijalankan hasil inisiatif semua kohort termasuk Misi Santuni Asnaf, Bengkel Urus Diri: Menstruasi dan Saya, program moreh, iftar, street dakwah dan agihan kuih raya bagi menghidupkan suasana kebersamaan dalam kalangan alumni KFLI.

